

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003
PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48 (6)

**FATWA RUJUK DENGAN PERSETUBUHAN KETIKA DI DALAM
IDDAH TALAK RAJ'IE**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 [*Enakmen 16 Tahun 2003*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48 (6) Enakmen itu.

1. Tidak sah rujuk dengan melakukan persetubuhan ketika iddah talak raj'ie, atau dengan apa cara perbuatan kecuali dengan lafaz soreh atau pun kinayah.
2. Jika suami melakukan persetubuhan dengan isterinya semasa iddah raj'ie, maka persetubuhan itu tidak dikira sebagai rujuk bahkan wajib ke atasnya membayar mahar (mahar misil) walaupun dirujuk isteri selepas itu.
3. Persetubuhan dalam iddah talak raj'ie dihukum sebagai wati syubhah (walaupun perbuatannya haram) kerana mereka masih dalam ikatan suami isteri.
4. Sekiranya dengan persetubuhan itu (jimak) menghasilkan anak maka ia adalah anak sah taraf.

Bertarikh 8 Safar 1443 / 15 September 2021

[JM].351/04/01/6/55;PPUUNJ.(R).600-1/5/8(31)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJI ZAINAL BIN ERAN
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan
Johor*